

Data berusia 132 tahun boleh diakses di Statsdigital

SHAH ALAM – Data dan statistik negara yang berusia 132 tahun boleh diperoleh secara salinan penerbitan digital menerusi platform berpusat StatsDigital.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, sebanyak 3,181 buah penerbitan data dan statistik bermula tahun 1891 boleh diakses di platform tersebut.

Jelas beliau, inisiatif itu diceklaskan apabila terdapat penerbitan terdahulu yang hanya mempunyai dokumen secara fizikal.

"Kita kluarit sekiranya penerbitan dan data lampau ini akan hilang dan sukar untuk diakses oleh pengguna luar, malahan warga Jabatan Perangkawan

(DOSM) sendiri.

"Antara penerbitan paling popular di platform itu adalah Indeks Harga Pengguna Malaysia, Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia dan penerbitan bersejarah seperti Perangkaan Penting Malaysia Barat 1966," katanya selepas melancarkan kiosk Statsdigital di Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam di sini semalam.

Menurut Uzir, usaha itu membolehkan DOSM maju selangkah lagi dengan membekalkan data siri masa seperti statistik penduduk dari tahun 1970 hingga 2020 dan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi tahun 1947

hingga 2022 untuk dimanfaatkan oleh rakyat termasuk warga akademik, pensyarah dan mahasiswa sebagai input kajian.

Ujarnya, kolaborasi kiosk Statsdigital bersama PTAR UiTM Shah Alam adalah untuk mewujudkan StatsDigital sebagai satu projek melestarikan penerbitan DOSM sebagai salah satu khanahan warisan negara.

"StatsDigital dilancarkan pada 2018 sebelum ditambah baik empat tahun kemudian melibatkan penambahan modul baharu iaitu Modul Penerbitan Lain dan General Purpose For Other Publish."

"Ia boleh dicapai menerusi pautan <https://statsdigital.stats.gov.my/>," katanya.



UZIR (kanan) mendengar penerangan daripada kakitangan PTAR tentang operasi kiosk StatsDigital di Shah Alam Selangor.